

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 17/6/2010

Tony Blair pembohong

UM-17/06/2010

KUALA LUMPUR 16 Jun – Kenyataan bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair bahawa tentera Israel berhak mempertahankan diri ketika menyerang kapal Mavi Marmara sehingga menyebabkan beberapa orang sukarelawan Turki terbunuh pada 31 Mei lalu memang telah dijangka.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kenyataan seumpama itu sememangnya telah dijangkakan kerana Blair merupakan seorang pembongong.

Beliau berkata, atas sifat itu juga Blair sanggup menghantar tentera Britain untuk membunuh rakyat Iraq yang tidak berdosa.

“Kematian sukarelawan-sukarelawan Turki ketika dalam misi menghantar makanan, ubat-ubatan dan bahan-bahan binaan kepada rakyat Palestin di Gaza tidak memberi sebarang makna kepada Blair.

“Meskipun mengetahui yang Turki tidak pernah berperang dengan Israel serta sukarelawan-sukarelawan terlibat langsung tidak membawa sebarang senjata,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam tulisan terbaru di blognya di <http://chedet.co.cc> hari ini.

Dr. Mahathir berkata, bagi Blair apa yang dilakukan oleh tentera Israel itu adalah sebahagian daripada usaha mempertahankan rejim zionis itu.

Sehubungan itu, beliau berkata, sekumpulan rakyat Malaysia yang membayar kepada Tony Blair sebanyak RM1 juta baru-baru ini kerana mahu bekas Perdana Menteri Britain itu mengajar mereka tentang mencapai kejayaan sebenarnya tidak seperti mana diharapkan.

“Mereka sekadar belajar daripada Blair cara mencapai apa yang mereka inginkan melalui pembongongan dan membunuh rakyat yang tidak berdosa,” katanya sinis.